

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(DIPLOMA EKSEKUTIF) 2020**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Nama, Mula Berkuat kuasa Dan Pemakaian | 3 |
| 2. | Tafsiran | 3 |

**BAHAGIAN II
PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

- | | | |
|----|---|---|
| 3. | Program Akademik | 6 |
| 4. | Kemasukan Ke Program Pengajian Universiti | 6 |
| 5. | Kemasukan Pelajar Program Mobiliti | 6 |

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

- | | | |
|----|---|---|
| 6. | Pendaftaran Program Pengajian Bagi Pelajar Baharu | 7 |
| 7. | Pendaftaran Kursus | 7 |
| 8. | Pertukaran Program Pengajian | 7 |

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

- | | | |
|-----|--|---|
| 9. | Yuran dan Bayaran Lain | 8 |
| 10. | Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran Lain | 8 |
| 11. | Tempoh Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain | 8 |
| 12. | Kegagalan Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain | 8 |

**BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

- | | | |
|-----|---|---|
| 13. | Tempoh Program Pengajian | 8 |
| 14. | Tempoh Minimum Dan Tempoh Maksimum | 8 |
| 15. | Penggantungan Program Pengajian Pelajar | 9 |

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

16.	Struktur Program Pengajian	9
17.	Penilai Luar Program	9
18.	Komponen Program Pengajian	9

BAHAGIAN VII
PEMANTAUAN PRESTASI AKADEMIK

19.	Pemantauan Prestasi Akademik	10
-----	------------------------------	----

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

20.	Penilaian	10
21.	Jawatankuasa Pemeriksa	10

BAHAGIAN IX
PENGANUGERAHAN

22.	Syarat Penganugerahan	10
-----	-----------------------	----

BAHAGIAN X
AM

23.	Penamatan Status Akademik Pelajar	11
24.	Kuasa Senat Membuat Peraturan	11
25.	Pengecualian Pemakaian	11
26.	Pematuhan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah Dan Peraturan-Peraturan Universiti	11
27.	Pembatalan	11

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (DIPLOMA EKSEKUTIF) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah–kaedah berikut:

BAHAGIAN I **PERMULAAN**

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

- (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Diploma Eksekutif) 2020 dan hendaklah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2020.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar program pengajian Diploma Eksekutif.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), pelajar sebelum Ambilan Julai 2018 akan terus tertakluk kepada peraturan tempoh dan struktur pengajian, skim penggredan dan syarat gagal keluar seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Diploma Eksekutif) 2012.
- (4) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan Diploma Eksekutif yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dasar, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa. (Kelulusan LPU : 12.08.2021)

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“ambilan” ertinya bilamana seseorang pelajar yang diterima masuk ke sesuatu program pengajian;

“bidang pengajian” ertinya pengkhususan yang ditawarkan di dalam sesuatu program pengajian;

“bilik peperiksaan” ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

“bukan warganegara” ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;

“Guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah dan guru bahasa;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan pelajar dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau peraturan-peraturan yang berkenaan;

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Ketua Bahagian” ertinya staf akademik yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengetuai sesuatu jabatan/bahagian yang berkenaan;

“Ketua Bahagian Peperiksaan” ertinya staf bukan akademik yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengetuai Bahagian Peperiksaan;
(Kelulusan LPU : 12.08.2021)

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan penganugerahan;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira di dalam pengiraan PNG dan PNGK;

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

“kursus diaudit” ertinya kursus yang didaftarkan dan dihadiri oleh pelajar tanpa menduduki peperiksaan;

“kursus elektif” ertinya kursus lain yang ditetapkan oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya dan hendaklah diikuti oleh setiap pelajar;

“kursus teras” ertinya kursus teras disiplin yang wajib diikuti oleh pelajar;

“kursus Universiti/kursus Umum” ertinya kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dan kursus umum yang ditetapkan oleh Universiti (jika ada) yang wajib diikuti oleh setiap pelajar;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani mana-mana program pengajian Diploma Eksekutif Universiti;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk memeriksa sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus; (Kelulusan LPU : 12.08.2021)

“pemindahan kredit dengan gred” ertinya pemindahan kredit bersama-sama gred bagi kursus daripada tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk pelajar yang masih dalam pengajian;

“pemindahan kredit tanpa gred” ertinya pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus dari tahap kelayakan yang rendah (*vertical*) dan/atau dari tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk pelajar yang telah tamat pengajian atau tidak menyempurnakan pengajian (tidak termasuk pelajar yang ditamatkan daripada program pengajian) tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon;

“Pengawas” ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengawas peperiksaan program akademik;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010];

“Pengarah” ertinya Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(5) Perlembagaan Universiti Malaya;

“Pengurus Bahagian” ertinya staf bukan akademik yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengetuai pentadbiran sesuatu jabatan/bahagian yang berkenaan; (Kelulusan LPU : 12.08.2021)

“Pengurus Program” ertinya staf bukan akademik yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengurus tadbir program pengajian Diploma Eksekutif;

“Penyelaras Akademik” ertinya staf akademik yang dilantik sepenuh masa atau separuh masa oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk menjalankan tugas berkaitan hal ehwal akademik sesuatu program pengajian;

“PNG” ertinya Purata Nilai Gred yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini;

“program akademik” ertinya sekumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan Diploma Eksekutif;

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu peperiksaan akhir dan cuti;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 22 Perlembagaan;

“Struktur Pengajian Diploma Eksekutif” ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang pelajar untuk dianugerahkan Diploma Eksekutif;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas (12) bulan (Januari – Disember);

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"Timbalan Pengarah (Akademik)" ertinya Timbalan Pengarah yang dilantik oleh Universiti dan bertanggungjawab bagi urusan program Diploma Eksekutif di Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya;

"UMCCed" ertinya Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya;

"warganegara" ertinya warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II

PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN

3. Program Akademik

Program akademik yang ditawarkan oleh Universiti adalah seperti mana yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dari semasa ke semasa.

4. Kemasukan Ke Program Pengajian Universiti

- (1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Diploma Eksekutif di Universiti Malaya hendaklah;
 - (a) memenuhi keperluan syarat-syarat kemasukan ke program pengajian yang ditetapkan oleh Senat;
 - (b) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
 - (c) membayar yuran yang ditetapkan.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan serta memenuhi subkaedah (1)(c) di atas.
- (3) Kemasukan bagi program pengajian adalah mengikut ambilan yang ditetapkan oleh UMCCed.
- (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu ambilan tertentu sahaja.

5. Kemasukan Pelajar Program Mobiliti

- (1) Pelajar Program Mobiliti ialah pelajar dari luar Universiti yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di UMCCed, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian UMCCed.
- (2) Kemasukan Pelajar Program Mobiliti hendaklah atas budi bicara Pengarah.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

6. Pendaftaran Program Pengajian Bagi Pelajar Baharu

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Eksekutif) 2020.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) di atas adalah pelajar Universiti dan digelar pelajar program berkenaan. Nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan Diploma Eksekutif atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti.
- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal berbuat demikian, namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar serta terhenti daripada menjadi pelajar Universiti.
- (4) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar sekiranya pada pandangan Senat pelajar tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya dan nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan dan ditamatkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (4) ini adalah muktamad.
- (5) Penangguhan pendaftaran program pengajian pelajar baharu boleh dipertimbangkan atas sebab perubatan atau perikemanusiaan atau kepentingan perkhidmatan atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara UMCCed. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada dua (2) ambilan yang berikutnya.

7. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus pada setiap semester mengikut syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

8. Pertukaran Program Pengajian

- (1) Seseorang pelajar yang telah mendaftar program pengajian yang ditawarkan tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran program pengajiannya.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas, dalam keadaan tertentu seseorang pelajar boleh memohon untuk dipertimbangkan pertukaran program pengajian tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

9. Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Eksekutif) 2020.

10. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

UMCCed mempunyai hak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

11. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh UMCCed.

12. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh UMCCed boleh menyebabkan pelajar berkena;

- (1) dihalang daripada menduduki peperiksaan bagi kursus berkena;
- (2) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkena;
- (3) dihalang daripada mendaftar kursus pada semester berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan; dan/atau
- (4) dihalang daripada menghadiri Istiadat Konvokesyen dan dianugerahkan Diploma Eksekutif.

BAHAGIAN V **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

13. Tempoh Program Pengajian

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum

Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan sesuatu program pengajian adalah seperti berikut:

Sistem Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum
Empat Semester	Empat Semester	Lapan Semester
Enam Semester	Enam Semester	Dua belas Semester

15. Penggantungan Program Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan program pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak boleh diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI **STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

16. Struktur Program Pengajian

Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh Senat.

17. Penilai Luar Program

Penilai Luar Program bagi setiap program pengajian yang ditawarkan oleh UMCCed hendaklah dilantik oleh **Timbalan Naib Canselor yang berkenaan Pengarah** atas perakuan jawatankuasa khas bagi: (Kelulusan LPU : 12.08.2021)

- (1) **memastikan memantau piawaian (standard)** sesuatu program pengajian yang **ditawarkan** adalah setanding dan konsisten dengan program yang sama yang ditawarkan oleh universiti-universiti **terkemuka dunia**; (Kelulusan LPU : 12.08.2021)
- (2) mengesahkan bahawa **program pengajian tahap piawaian adalah** menepati **tahap taraf** dan keperluan **standard program Sijil, Diploma dan Diploma Eksekutif yang ditetapkan ditawarkan**; **dan** (Kelulusan LPU : 12.08.2021)
- (3) memastikan **kaedah penaksiran dan proses** penilaian adalah bersesuaian, adil dan **munasabah** serta dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh **Universiti Pusat**; **dan** (Kelulusan LPU : 12.08.2021)
- (4) **menjamin kualiti program akademik**. (Kelulusan LPU : 12.08.2021)

18. Komponen Program Pengajian

- (1) Setiap program pengajian hendaklah mengandungi tiga (3) komponen kursus seperti berikut;

Komponen	Peratus
Kursus Universiti	10% - 20%
Kursus Teras	50% - 65%
Kursus Elektif	10% - 30%

- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) di atas, mana-mana program pengajian yang mempunyai standard program Agensi Kelayakan Malaysia atau standard badan profesional, program berkenaan hendaklah tertakluk kepada pematuhan keperluan yang ditetapkan.

BAHAGIAN VII
PEMANTAUAN PRESTASI AKADEMIK

19. Pemantauan Prestasi Akademik

UMCCed hendaklah memastikan pemantauan prestasi akademik dijalankan oleh bahagian yang berkaitan dengan bantuan guru untuk membimbing pelajar dalam perancangan program pengajiannya.

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

20. Penilaian

Penilaian bagi setiap program pengajian yang dijalankan oleh Universiti yang boleh dibuat secara peperiksaan akhir dan/atau penilaian berterusan serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan UMCCed.

21. Jawatankuasa Pemeriksa

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program akademik.

BAHAGIAN IX
PENGANUGERAHAN

22. Syarat Penganugerahan

- (1) Pelajar boleh dianugerahkan Diploma Eksekutif yang berkenaan tertakluk kepada pelajar telah:
 - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan Diploma Eksekutif dan diluluskan oleh Senat; dan
 - (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Universiti berhak menahan penganugerahan Diploma Eksekutif sekiranya pelajar gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan penganugerahan seseorang pelajar, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan Diploma Eksekutif seseorang pelajar jika Universiti berpuas hati bahawa pelajar tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
 - (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan penganugerahan; atau
 - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan Diploma Eksekutif.

BAHAGIAN X **AM**

23. Penamatan Status Akademik Pelajar

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

24. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

25. Pengecualian Pemakaian

Walau apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

26. Pemuatan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

27. Pembatalan

Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1(3), Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pengajian Diploma Eksekutif) 2012 adalah dengan ini dibatalkan.

Dikemaskini Dibuat pada 12.08.2021 ~~18.06.2020.~~

YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya